

TAHUN 10 BILANGAN 29 RABU 27 OKTOBER, 1965 1385 رجب 3 رابو PERCHUMA

Persidangan M.M. Daerah Belait

3 USUL DI-LULUSKAN

KUALA BELAIT. — Majlis Mashuarat Daerah Belait telah meluluskan tiga usul dan menolak empat usul dalam persidangan-nya yang ketujuh di-bilik Persidangan, Pejabat2 Kerajaan, Kuala Belait pada pagi hari Rabu 20 Oktober, 1965.

Satu daripada usul2 yang di-luluskan itu ia-lah menasehatkan pehak yang berkuasa mengambil tindakan supaya pekerja dan pelayan di-kedai2 kopi, kantin2 dan kelab2 menjaga kebersihan diri, pakaian dan kawasan, serta alat2 perkakas yang mereka gunakan.

Yang kedua ia-lah meminta pehak yang berkenaan supaya perkataan "Daerah Kuala Belait" yang telah di-tulis pada kereta2 sewa (taksi) di-ubah menjadi "Daerah Belait".

Usul2 tersebut telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Pengiran Md. Yusuf bin Pengiran Abu Bakar.

Usul yang ketiga di-luluskan menasehatkan Kerajaan supaya membena sa-buah lanting di-


pangkalan Balai Raya di-Mukim Bukit Sawat, untuk memberi kemudahan turun dan naik kapal perahu.

Usul tersebut di-kemukakan oleh Yang Mulia Awang Matzain bin Teradi.

Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali kelihatan dalam gambar ini memberi ucapan sa-lepas kejayaan beliau dalam Pilehan Raya Kecil Majlis Mashuarat Daerah Brunei bagi Kawasan Pekan Brunei pada malam hari Sabtu 23 Oktober, 1965. Beliau telah mengucapkan terima kasih kepada pengundi2 dalam Kawasan Pekan Brunei yang telah mengundi kapada beliau. Dalam ucapan beliau Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali menegaskan bahawa beliau akan menubuhkan sa-buah Pertubuhan Politik yang akan menuntut kemerdekaan kapada negeri ini menurut Perlembagaan Negeri Brunei.

Keputusan Pilehan Raya Kawasan Pekan Brunei

BANDAR BRUNEI. — Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud, bekas Timbalan Menteri Besar Brunei telah mengalahkan Awang Haji Mohamed bin Haji Bakar, sa-orang saudagar dalam Pilehan Raya Kecil Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara bagi Kawasan Pekan Brunei.



Menurut angka rasmi, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali telah mendapat sa-banyak 375 undi, manakala Awang Haji Mohamed pula telah mendapat sa-banyak 163 undi. Sa-banyak 7 undi rosak telah di-dapati. Dalam kawasan tersebut seramai 673 orang telah mendaftarkan nama sa-bagai pengundi.

Pilehan Raya tersebut telah diadakan pada hari Sabtu 23 Oktober, 1965.

Tempat membuang undi ia-lah di-dua buah bilek bangunan lama Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam, Bandar Brunei mulai pada pukul 8 pagi hingga

(Lihat muka 8)



Awang Johari bin Abdul Razak, selaku Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara telah merasmikan pembukaan Majlis Mashuarat Mukim Kilanas di-satu majlis yang telah di-langsungkan di-Dewan

Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas pada pagi hari Juma'at 22 Oktober, 1965. Gambar ini di-ambil sa-lepas di-langsungkan pembukaan rasmi Majlis Mashuarat Mukim Kilanas. Dudok bilangan

ke-lima dari kanan ia-lah Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Johari bin Abdul Razak. Dudok di-tengah ia-lah Pengerusi Majlis Mashuarat Mukim Kilanas, Yang Berhormat Awang Haji Halus

bin Abdul Samat dan dudok bilangan kedua dari kiri ia-lah Setia Usaha Majlis Mashuarat Mukim Kilanas, Chegu Md. Hassan bin Sunggoh. Lain2-nya ia-lah Ahli2 Majlis Mashuarat Mukim Kilanas.

Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Belait

So'al Jawab Mulut

KUALA BELAIT. — Beberapa so'al jawab mulut telah di-bentangkan oleh Ahli2 Majlis Mashuarat Daerah Belait dalam persidangan-nya pada hari Rabu 20 Oktober, 1965.

So'alan2 dan jawapan2 itu adalah seperti berikut:—

SO'ALAN JAWAB MULUT OLEH
YANG BERHORMAT P. MD. YUSUF
BIN P. ABU BAKAR;
TUNTUTAN GANTI RUGI

So'alan (a) Di-harap mendapat penjelasan, ia-itu, pengaduan2 orang ramai yang berkenaan (termasuk dari anggota Pulis Seria sa-ramai 31 orang) terhadap Tuntutan Ganti Rugi, peristiwa tahun 1962. Mengapa-kah tuntutan tersebut belum dapat di-selesaikan?

So'alan (b) Sa-jauh mana-kah tindakan2 pehak yang berkuasa bagi menjalankan tugas2 mereka dalam mempertimbangkan tuntutan itu?

So'alan (c) Berapa banyak sudah tuntutan yang tersebut telah di-pertimbangkan dan berapa banyak pula yang belum dapat di-selesaikan (dari penduduk Daerah Belait sahaja)?

So'alan (d) Apa-kah alasan2 pehak berkuasa, jika sa-kira-nya tuntutan itu tadi tidak boleh di-pertimbangkan?

Jawapan (a), (b), (c) dan (d), sa-benar-nya Kerajaan tidak membayar tuntutan ganti rugi kerana peristiwa 1962 itu, sebab-nya peristiwa itu bukanlah di-lakukan oleh pehak Kerajaan.

Walau bagaimana pun, Kerajaan bertimbang rasa terhadap mangsa2 peristiwa tersebut. Kerajaan juga menimbangkan bayaran sugu hati, terhadap tuntutan2 yang berpautan dan munasabah.

Sa-takat ini sudah ramai bilangan orang2 yang menerima bayaran sugu hati itu.

KEBENARAN MENGGUNAKAN KERETA PULIS

So'alan (a) Ada-kah pehak berkuasa Pemerintah Pulis Belait, boleh membenarkan bagi menggunakan kereta Pulis (kepunyaan Kerajaan) untuk menghantar mayat hingga ke-perkuboran terhadap keluarga atau kaki tangan yang bertugas dan tinggal dalam kawasan Balai Pulis Seria, Kuala Belait dan Panaga?

So'alan (b) Jika ada, mengapa pehak berkenaan tidak dan enggan memberi pertolongan terhadap satu keluarga yang meninggal dalam kawasan Balai Pulis Seria, bulan lalu (harap akan dapat di-siasat perkara ini. Saya sendiri dan wakil Pekan Seria ada menyaksikan kejadian tersebut).

So'alan (c) Dan Jika tidak, apa-kah pehak berkuasa Pulis Be-

lait, tidak boleh memikirkan perkara ini bagi menolong orang2-nya, seperti Pejabat2 lain dan Sharikat2 yang berani bertanggung jawab terhadap orang2 yang di-dalam jagaan-nya?

Jawapan (a) Sama ada boleh dan tidak kebenaran menggunakan kenderaan Kerajaan di-beri ada-lah tergantung kepada keadaan dan masa sesuatu peristiwa itu berlaku.

(c) Boleh dan tidak di-uruskan ada-lah tergantung kepada pegawai yang berkehendakkan sanggop membayar perbelanjaan atau tidak.

LOT2 YANG KOSONG

So'alan (a) Dalam peta Kawasan Perpindahan H25, Seria, nampak-nya, maseh ada lagi lot2 yang kosong dan tidak di-punyai oleh sa-siapa. Apa-kah ranchangan Kerajaan terhadap lot2 tersebut?

So'alan (b) Boleh-kah di-sini di-chadangkan supaya lot2 yang maseh kosong itu hendak-lah di-berikan kepada orang2 Melayu (ra'ayat Brunei) yang benar2 tidak mempunyai sa-keping tanah dan sangat susah sa-lama ini akibat membayar sewa tempat tinggal, (terutama buroh2 kasar Kerajaan di-Seria, yang sekarang ini belum dapat rumah)?

Jawapan (a) Tidak ada yang kosong.

Jawapan (b) Oleh sebab tidak ada, maka tidak-lah boleh.

PENJELASAN

So'alan (a) Di-harap dapat penjelasan, bahawa mengapa keputusan2 yang telah di-ambil oleh Majlis Mashuarat ini, sa-lama ini tidak di-ketahui sama ada nasehat dan keputusan itu di-terima atau tidak oleh Kerajaan?

PENGAKUAN

So'alan (b) Sa-jauh mana-kah pengakuan Kerajaan menerima nasehat dan menjalankan projek hasil dari keputusan yang telah di-ambil oleh Majlis Mashuarat ini?

RANCHANGAN

So'alan (c) Sebutkan projek atau ranchangan yang sudah di-terima oleh Kerajaan, ia-itu, hasil dari nasehat Majlis ini, sejak persidangan-nya yang pertama bulan Mei, yang lalu?

Jawapan (a) Sebab-nya tidak ada peratoran2 atau Undang2 yang menghendaki Kerajaan meng-

umumkan sama ada nasehat dan keputusan itu di-terima atau tidak oleh Kerajaan.

Jawapan (b) Nasehat yang ber-pautan dan munasabah.

Jawapan (c) Tidak perlu, kerana boleh di-lihat dengan mata kasar.

SO'ALAN JAWAB MULUT OLEH
YANG MULIA AWANG LAMAT
BIN APONG

LONGKANG

So'alan—Ada-kah Kerajaan ber-chadang akan membuat long-kang2 mengikut sa-panjang Jalan Pahlawan dan Jalan Pandan, Kuala Belait, supaya di-gunakan mengalirkan ayer dari tiap2 orang yang berdekatan-nya?

Jawapan—Tidak.

PAJAKKAN

So'alan—Pada 2216 batu persegi, keluasan Kerajaan dan tanah Brunei Berapa persegi batu-kah tanah yang telah di-pajakkan kepada Sharikat Minyak, dan di-mana tempat bahagian2 untuk peta di-ketahui oleh ra'ayat.

Jawapan—236.2 batu persegi Peta-nya boleh di-lihat di-bilik Pegawai Daerah Belait.

SO'ALAN JAWAB MULUT OLEH
YANG MULIA AWANG
MATZAIN BIN TERADI

ASRAMA

So'alan—Asrama tempat tinggal bagi budak2 lelaki dari luar bandar telah pun di-adakan oleh Kerajaan, serta alaan bagi budak2 sekolah perempuan telah pun di-berikan, ia-itu bagi Sekolah Melayu dan Inggeris. Ada-kah Kerajaan memberi taraf atau layanan yang sama di-antara sekolah2 tersebut?

Jawapan—Sama.

KENDERAAN

So'alan—Transport untuk pergi dan balik ka-kampung2 samasa chuti sekolah ada-kah di-tetapkan oleh Kerajaan, bagi kedua2 sekolah itu?

Jawapan—Ada.

SO'ALAN JAWAB MULUT OLEH
YANG MULIA AWANG
METALI BIN OMAR INCHE'

J.K. PROJEK

So'alan—Adakah Kerajaan membentok satu badan Jawatankuasa Projek2 dalam Daerah Belait ini? Jika ada, dimanakah Ibu Pejabat Jawatankuasa itu? Dan siapa-kah nama orang2 yang menjadi Ahli Jawatankuasa tersebut?

Jawapan—Tidak.

PERKEMBANGAN

So'alan—Ada-kah ranchangan

Kerajaan bagi membantu ra'ayat dalam perkembangan dan kemajuan dalam Daerah Belait? Jika ada, apa-kah jenis bantuan yang ada dalam ranchangan itu?

Jawapan—Ada. Sila semak Buku2 Ranchangan Lima Tahun.

SO'ALAN JAWAB MULUT OLEH
YANG BERHORMAT AWANG
ZAINAL ABIDIN BIN PUTEH

KAWASAN PERUMAHAN SHARIKAT MINYAK

So'alan—Kawasan2 perumahan Sharikat B.S.P. di-Seria dan Kuala Belait, ada-kah termasuk dalam lengkungan Bandaran (Municipal Area), dan ada-kah di-bawah kawalan Jabatan Bandaran Kuala Belait?

(a) Jika tidak termasuk dalam lengkungan Bandaran dan tidak di-bawah kawalan Jabatan Bandaran, Kuala Belait, boleh-kah Kerajaan bertindak jika sa-kira-nya Kebersehan di-kawasan ini tidak terkawal dan membahayakan kasehatan orang ramai?

Jawapan—Termasuk dalam lengkungan Bandaran (Municipal Area), Belait. Tidak termasuk dalam kawalan Jabatan Bandaran Belait.

(a) Boleh.

CHUKAI RUMAH

So'alan—Rumah2 tempat kediaman pekerja2 yang di-benar oleh Sharikat B.S.P. di-Seria dan Kuala Belait, ada-kah dikenakan "Chukai Rumah" oleh Kerajaan?

(a) Kalau tidak, mengapa?

Jawapan—Tidak.

(a) Kerana ini ada-lah ter-talok kepada syarat2 Perjanjian Lombong Minyak.

LESEN PERNIAGAAN

So'alan—Ada-kah sharikat wayang gambar yang menayangkan gambar2 wayang di-panggong Roxana Lorong Tujoh Seria membayar Lesen Perniagaan kepada Kerajaan?

(a) Kalau tidak membayar Lesen Perniagaan kepada Kerajaan, mengapa-kah harga tiket-nya sama dengan harga2 tiket wayang gambar di-panggong2 lain yang membayar Lesen Perniagaan kepada Kerajaan?

(b) Mengapa-kah panggong Roxana Lorong Tujoh Seria terkechuali dari peratoran2 Kerajaan, pada hal Sharikat Wayang Gambar

Buktikan-lah Ta'at Setia

Yang Tulus Ikhlas
Dengan Menggunakan
Bahasa Melayu--

Bahasa Rasmi Negeri Ini



Satu temasha persembahan musik dan perbarisan oleh Pasokan2 Pancharagam 2/6 Queen Elizabeth Own Gurkha Rifles dan Pancharagam Aslar Melayu Diraja Brunei telah di-langsungkan di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Sabtu 16 Oktober, 1965 sa-bagai menyambut Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan. Baginda telah berchemar Duli ka-temasha tersebut dan ramai pembesar2 negara serta lain2-nya telah menyaksikan persembahan musik dan perbarisan itu. Dalam gambar ini kelihatan Pasokan Pancharagam Gurkha di-temasha tersebut.

Kursus Pemimpin2 Pengakap

SERIA. — Satu Kursus Pemimpin2 Pengakap Daerah Belait telah di-adakan di-Ibu Pejabat Pengakap Seria baru2 ini.

Kursus tersebut yang akan di-adakan sa-tahun sa-kali mulai pada tahun ini bermaksud untuk menambahkan mutu pimpinan Pengakap2 di-Daerah Belait.

Cheramah2 telah di-berikan oleh beberapa orang Pegawai2 Kanan Pengakap2 Negeri Brunei. Di-antara-nya ia-lah oleh Pesuruh Jaya Pengelola Pengakap Negeri Brunei, Pengiran Tapudin bin Pengiran Ahmad; Pesuruh Jaya Pengakap Daerah Belait, Awang Abu Bakar bin Othman dan oleh Penolong Pesuruh Jaya Pengakap Daerah Belait, Awang H. A. D. Sulaiman.

KAPAL 'BRUYARD' DI-JANGKA TIBA DI-BRUNEI DARI HIROSHIMA AKHIR BULAN HADAPAN

HIROSHIMA. — Dayang R. Wheeler, isteri Ketua Pentadbiran Teknikal, Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad telah merasmikan pemberian nama pelantar "BRUYARD" dalam satu upacara yang khas di-Hiroshima, Jepun pada 27 September, 1965.

Pelantar tersebut, ia-itu kapal baru untuk penggali di-laut yang di-punyai oleh Shell Brunei akan di-pakai untuk menchari minyak di-perayeran Borneo.

Upacara itu telah berlangsung di-atas sa-buah pentas dekat pelunchoran kepunyaan Sharikat Mitsubishi Heavy Industries Shipyard di-Hiroshima. Dayang Wheeler telah memotong pita dengan KAPAK PERAK. Sa-belum itu ia berkata, "Saya namakan kapal ini BRUYARD. Moga2 Tohan memberkati-nya dan melindungi semua mereka yang bekerja di-dalam-nya".

Serentak dengan masa itu, beratus2 ekor burung merpati dan belon telah di-lepaskan.

Ramai para tetamu, antaranya Awang Wheeler serta Pegawai2 Shell dari Tokyo dan pekerja2 yang membena kapal itu menyaksikan Dayang Wheeler menyempurnakan upacara tersebut.

Sa-baik sahaja selesai di-jalankan upacara tersebut, sa-orang gadis kecil Jepun dengan memakai KIMONO telah menghadiahkan sa-karangan bunga kepada Dayang Wheeler.

Kemudian ucapan2 telah di-lafadzkan oleh Pegawai2 terkanan termasuk Pengurus Umum dari Sharikat Pembena kapal Mitsubishi.

Chatetan: BRUYARD ada-lah lebeh berat daripada saudara kembar-nya SEDCO - 135A yang telah tiba di-Perayeran Borneo dalam bulan Julai tahun ini. Berat-nya hampir2 8,000 tan jika bermuatan penuh dan boleh menggali dalam perayeran yang dalam dan dalam keadaan sa-barang chuacha.

Kapal BRUYARD itu mungkin akan di-tunda ka-Brunei pada penghujung bulan Oktober ini dan di-jangka sampai di-Brunei pada penghujung bulan November hadapan.

So'al Jawab Mulut

(Dari muka 2)

yang menayangkan gambar2 wayang di-panggung ini (Roxana) berniaga menchari keuntungan?

Jawapan—Ada membayar menerusi Perjanjian Lombong Minyak.

(b) Tidak benar. Tidak terkechuali, filem2 yang di-tayangkan di-Roxana itu ada-lah juga di-tapis oleh Lembaga Penapis Filem dan Hiboran, yang di-bentuk oleh Kerajaan Brunei.

PERNIAGAAN

So'alan—Mengapa-kah Sharikat B.S.P. Seria di-bolehkan membena Panggong Wayang (Roxana) untuk di-sewakan bagi perniagaan kepada orang ramai?

(a) Ada-kah tujuan Sharikat ini sa-lain dari melombong minyak juga di-bolehkan membena panggong untuk di-sewakan bagi perniagaan?

Jawapan—Jawapan-nya sila semak minit mashuarat yang telah bersidang pada 2 September, 1965, muka 9.

UNDANG2 DAN PERATORAN

So'alan—Ada-kah terkechuali dari Undang2 dan Peratoran di-Negeri ini bagi orang yang beragama Islam yang

minum minuman keras (arak dan sa-umpama-nya) di-Kelab K.B.R.C. Kuala Belait?

(a) Kalau terkechuali apa-kah nama Undang2 dan Peratoran itu?

(b) Kalau tidak terkechuali mengapa Jabatan Agama Kuala Belait tidak mengambil tindakan?

Jawapan—Menurut Undang2 Kelab2 terkechuali.

(a) Undang2 No. 20 tahun 1955.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 27 Oktober hingga ka-hari Ahad 31 Oktober, 1965 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
27	12-10	3-28	6-08	7-23	4-33	4-48	6-05	
28	12-10	3-28	6-08	7-23	4-33	4-48	6-05	
29	12-10	3-28	6-08	7-23	4-33	4-48	6-05	
30	12-10	3-28	6-08	7-23	4-33	4-48	6-05	
31	12-10	3-28	6-08	7-23	4-33	4-48	6-05	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

CHERITA² DONGENG DAN KESAN²-NYA

Cherita² sejarah, baik yang merupakan "dongeng" atau yang benar² terjadi ada-lah perlu diketahui oleh sa-tiap warga-negara bagi tiap² sa-sabuh negeri yang ampunya cherita² serupa itu.

Pengetahuan tentang cherita² serupa itu bukan hanya membawa kita lebih keritis dalam berfikir, bahkan juga membawa perubahan yang besar arti-nya di-segi penghidupan kita sa-hari².

Dari cherita² sejarah orang dapat membayangkan, terutama sa-kali bagi jenerasi yang ada sekarang ini, bagaimana kemajuan orang² yang terdahulu dari kita baik di-lapangan alam fikir-an, mahupun di-segi yang lain terutama penghidupan mereka di-waktu itu.

Banyak lagi aspek² yang penting yang perlu di-ikuti oleh kita di-lapangan sejarah yang terjadi di-alam tanah ayer kita dan bagi orang yang mengetahui-nya ada-lah perlu bagi mereka memaparkan kepada angkatan baru guna menambahkan pengetahuan tentang tanah ayer mereka sendiri.

Di-Brunei banyak cherita² sejarah yang perlu di-ketahui dengan sa-chara meluas.


Cherita² sejarah saperti Ajong Batu, Batu Pilon²an, Lumut Lunting dan lain² lagi yang ada di-pelusok alam tanah ayer kita ini masing² mempunyai cherita asal usul kelahiran-nya.

Dalam keluaran *Pelita Brunei* ini, pembacha akan dapat meng-ikuti sa-buah cheramah yang di-beri tajok "Cherita Dongeng dan Kesan²-nya" yang di-susun oleh Awang Muslim Burmat.

Cheramah beliau ini telah di-terbitkan melalui Radio Brunei dalam ruangan "Bahasa dan Sas-tera" yang di-terbitkan pada 26 September, 1965.

Menurut Awang Muslim, cheramah ini di-buat beliau ada-lah berdasarkan cherita orang tua²

Gambar ini menunjukkan kubor "Dayang Ayang" yang letak-nya di hadapan Bangunan Pejabat Pos, Bandar Brunei. Cherita ringkas kubor Dayang Ayang ini akan dapat di-ikuti pada keluaran akan datang.



di-samping melihat sendiri akan kesan² yang di-dapat beliau dari apa yang akan di-bicarakan sa-terus-nya dalam ruangan ini.

Di-mana jua pun bangsa di-dunia ini telah sedia ada mem-

sendirian dan keaslian, kita tetap berbangga memiliki cherita² yang sa-demikian itu.

Dalam masa keadaan sa-suatu masyarakat itu maseh dalam keadaan "primitive" (keadaan sua-

oleh Awang Muslim Burmat

punyai cherita² masyarakat yang tersendiri baik yang merupakan cherita² masyarakat yang tersendiri baik yang merupakan "legend" (cherita yang lari dari sana alam bagitu gelap bagi me-reka), maka sa-suatu yang ada terbentang di-hadapan mereka itu semua-nya ada kaitan-nya dengan kehidupan manusia.



Rumah ini ia-lah tempat kediaman rasmi bagi Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei. Nama rumah ini ia-lah "Jerembak" sa-bagai kenang²an di-segi sejarah Brunei

Sa-suatu yang berkaitan dengan gerak alam akan membabitkan kehidupan mereka sa-hari², misal-nya dalam cherita² ninik² tua yang berpendapat bahawa jika terjadi keadaan dalam gerhana berarti mata hari di-makan "raho".

Satu misal lagi yang berpuncha lahir-nya pendapat orang² tua itu ia-lah jika terjadi gempa bumi ber-ma'ana lembu yang mendukung bumi

dengan tandok-nya itu sedang mindahakan ka-tandok-nya yang sa-belah.

Walau bagaimana pun cherita² serupa ini sa-lain dari merupakan cherita penglipor lara, juga menjadik fikiran kita melayang dengan ke-seronokan ka-alam fantasi yang penuh dengan keindahan dan keanehan.

Di-tanah ayer kita ini, cherita² dongeng dan cherita² sejarah dan kesan-nya banyak benar kita dapati. Sesuai dengan pengkajian sejarah dan ilmu alam, Brunei yang dudok-nya di-tengah² perjalanan dan pelayaran dan pernah menempa sejarah gemilang-nya dahulu yang di-katakan sa-buah negeri yang tertua di-dalam Melayu ini sesudah tidak dapat di-sangkal lagi kesan² cherita² lama itu dan maseh banyak kita dapati hingga ka-hari ini.

Cherita² dongeng itu, walaupun demikian keadaan-nya mungkin tidak lebih sa-bagai kenang²an dan ada menampakkan kesan yang dapat di-lihat, tetapi ada mempunyai pertalian yang erat benar dengan sejarah Brunei tua.

Mungkin sesuai dengan sejarah ke-agongan Brunei dan perkembangan-nya dahulu, maka lahir-lah suatu cherita yang di-namakan cherita "Simaun".

Dalam cherita² dongeng "Simaun" ini di-nampakkan sa-bagai sa-orang manusia laki² yang luar biasa bentuk badan dan keadaan kekuatan-nya.

Sha'er Simaun yang di-susun dalam bentuk sastera yang indah itu yang tidak di-ketahui pengarang-nya telah dapat kita nikmati sa-terang²-nya betapa luar biasa-nya manusia yang bernama Simaun itu. Cherita yang berikut-nya dalam zaman Simaun ini ia-lah persabongan ayam.

Di-laut Muara dan di-Sungai Brunei ada satu batu yang tumbuh di-tengah² ayer. Kedua² batu itu masing² mempunyai nama ia-itu yang di-laut Muara bernama "Batu Pilon²an" dan yang di-Sungai Brunei ia-lah "Lumut Lunting".

(Lihat Muka 8)

DAFTAR² PENGUNDI PILEHAN RAYA

DAFTAR² PENGUNDI untok bahagian pendaftaran telah pun di-ubah sa-hingga dan termasuk 12 Ogos, 1965. Salinan² dari daftar² itu dapat di-pereksa di-tempat² yang berikut dalam waktu bekerja mulai 25 Oktober sa-hingga dan termasuk 14 November, 1965.

Tempat Pereksa — Pejabat Daerah Brunei: Bahagian² Pendaftaran — Muara, Tanah Jambu, Batu Marang, Mentiri, Salambigar, Manggis, Tilong, Delima Satu, Angerik Desa, Berakas, Burong Pingai (Baru), Rimba, Sungai Besar, Baru-Baru, Berbunut, Pudak, Pelambayan, Subok, Pintu Malim, Kiulap, Kiarong, Mata-Mata, Beribi, Tungku, Bunut, Kilanas, Tanjong Bunut, Sengkurong, Jerudong, Tanjong Nangka, Katimahar, Mulaut, Masin, Pangkalan Batu, Limau Manis, Lumapas, Kasat, Menunggol, Kianggeh, Pekan Brunei, Sumbiling, Pular Ulak, Padang, Jalan Tutong, Sumbiling Baru, Bukit Salat, Ujong Bukit, Limbongan, Sungai Kedayan "A", Sungai Kedayan "B", Sultan Lama Pemancha Lama, Ujong Tanjong, Kuala Peminyak, Bendahara Lama, Kerma Indera Lama, Tajudin Hitam, Tamoi Menengah, Tamoi Ujong, Burong Pingai, Lorong Dalam, Pandai Besi "A", Pandai Besi "B", Pandan "A", Pandan "B", Setia Negara, Pekan Lama, Raja Muda "A", Raja Muda "B", Bakut Berumpit, Lorong Sekuna, Pahlawan, Saba Laut, Saba

Tengah, Saba Ujong, Saba Darat, Peramu dan Sungai Kebun.

Tempat Pereksa — Pejabat Daerah Tutong: Bahagian² Pendaftaran — Kupang, Birau, Kebia, Kiudang, Pat Nunok, Lamunin, Sinaut, Luagan Dudok, Bukit Panggal, Penanjong, Keriam, Panchor Papan, Panchor Dulit, Bukit Bendira, Sengkarai, Kuala Tutong, Danau, Telisai, Lubok Pulau, Tanjong Maya, Penapar, Bukit Udai, Kuala Abang, Layong, Ukong, Bukit dan Rambai.

Tempat Pereksa — Pejabat Daerah Belait: Bahagian² Pendaftaran — Liang, Lumut, Pekan Seria, Lorong 3, Lorong 4/5, Marina, Lorong 7, Panaga, Jalan Seria, Nakhoda Ragam, Panglima, Duhon, Lubok Piam, Temanggong, Tengah, Pekan Piasau, Melayu Asli, Tanjong, Sebarang, Kuala Balai, Bukit Puan, Labi, dan Bukit Sawat.

Tempat Pereksa — Pejabat Daerah Temburong: Bahagian² Pendaftaran — Menengah, Tanit, Bangar, Batang Tuau, Puni, Belaban, Parit, Amoi, Rataie, Bokok, Batu Apoi dan Labu. Sebarang tuntutan dan sebarang bantahan mesti-lah di-perbuat di-dalam borang² yang di-tetapkan oleh Peratoran² Pilehan Raya (Pendaftaran Pengundi²), 1964.

Borang² itu boleh di-dapati di- Pejabat Penyelia Pilehan² Raya dan mesti-lah di-hantarkan, kepada-nya dalam tempoh 21 hari mulai dari tarikh Kenyataan ini di-siarkan di-dalam WARTA KERAJAAN.

PERUTUSAN SETIA USAHA AGONG P. B. B. SA-BAGAI MENYAMBUT HARI BANGSA² BERSATU

SETIA USAHA AGONG Per-
mubahan Bangsa2 Bersatu, U
Thant telah menyampaikan per-
utusan-nya sa-bagai menyambut
Hari Bangsa2 Bersatu yang jatuh
pada 25 Oktober, 1965. Per-
utusan-nya itu ada-lah di-siarkan
seperti berikut:

Jika pernah berlaku dalam se-
jarah manusia dalam mana di-
apati sukar hendak hidup ke-
cuma anchaman bahaya peperang-
an, yang sesungguh-nya satu ba-
haya yang memusnahkan — dan
jika ada jalan untuk menghapus-
kan bahaya itu dan berusaha
untuk memperbaiki keadaan ma-



U THANT

usia di-segenap penjuru alam
ini, maka sekarang-lah masa-nya.

Bahaya itu maseh lagi berada
pada kita, sungguh dahshat dan
benar. Bahaya itu semakin ber-
tambah setiap kali beberapa
orang di-antarara kita, di-desak
oleh tujuan2 bagi kepentingan2
yang tidak di-pertimbangkan de-
ngan seluas2-nya fahaman me-
lampau atau fahaman kebangsaan
yang sempit, tidak mengindahkan
betapa perlu-nya di-pertimbang-
kan keputusan2 dan tindakan2
yang kita ambil untuk memper-
baiki keadaan manusia seluruh-
nya.

BAHAYA

Bahaya itu semakin bertambah
negeri setiap kali, dalam mengejar
cita2 yang berlainan dan berten-
tangan. Kita penoh perchaya
bahawa kita boleh mengikut sa-
rang dasar dan stetiji dengan
bebas pada hal kita sedia
mu aliam akan mendatangkan ben-
chawa kepada kita walaupun
dalam keadaan yang tidak bagitu
membahaya.

Meskipun demikian, sa-bagai-
mana yang saya telah katakan
di-San Francisco dalam bulan
Jun dulu, di-satu perjumpaan
memperingati hari ulang tahun
yang ke-20 menanda tangani

Piagam Bangsa2 Bersatu, saya
perchaya bahawa kita semakin
bertambah sedar betapa perlu-
nya mensesuaikan fikiran dengan
tindakan kita.

Ketakutan dan kebencian kita
kapada peperangan di-seluruh
dunia semakin memunchak, sa-
tengah-nya akibat kuasa senjata2
yang ada sekarang dan setengah-
nya dari perubahan moral yang
bencikan pada kekerasan.

CHENGKAMAN

Pada 'am-nya kita bersetuju
sekurang-nya pada dasar, bahawa
chengkaman ka-atas satu bangsa
atau sa-kumpulan bangsa2 oleh
satu bangsa yang lain, tidak boleh
di-biarkan kerana saling mem-
bantu di-antara satu dengan lain
dan bekerjasama ada-lah dasar
terbaik sekali bagi perhubungan
di-antara bangsa2 di-dunia ini.

Ada kemungkinan bagi kita
meninggikan taraf hidup dan
mendapat peluang melalui kerja-
sama antara bangsa — ia-itu satu
dorongan besar ka-arrah ke-aman-
an.

Kita boleh dengan bekerja-
sama, memberi, dalam tempoh
satu keturunan satu taraf hidup
yang lebih tinggi dan peluang
yang sederhana bagi semua-nya.

Ada kemungkinan bagi kita
menchapai kemajuan besar da-
lam lapangan sains, teknologi dan
dalam lapangan fikiran yang
belum lagi dapat di-duga itu dan
juga dalam lapangan penerbangan
yang yang belum lagi dapat di-
duga itu dan juga dalam lapang-
an penerbangan di-angkasa luar —
kemajuan2 yang semua-nya akan
berjalan dengan lebih pesat dan
kurang merbahaya jika kecekap-
an dan bakat semua bangsa dapat
di-satukan dalam satu usaha yang
terator.

Akhir-nya kita mempunyai
satu dasar yang telah di-persetu-
jui, ia-itu sistem Bangsa2 Ber-
satu, dalam mana jika kita ingin,
kita boleh melaksanakan cita2
kita dan menchapai kemajuan
yang terator dalam kehidupan an-
tara bangsa.

Ini-lah kelebihan yang ada
pada manusia, kuasa untuk ber-
buat baik yang tidak ada tolak
banding penting-nya pada masa
ini untuk di-pergunakan bagi
menghapuskan bahaya yang saya
telah katakan. Kita harus-lah
menggunakan kelebihan ini de-
ngan sepenoh-nya, dan saya yakin
ada sebab-nya bagi kita beransor2
menggunakan kelebihan itu.

Perhimpunan Agong telah da-
pat menjalankan semula kerja-
nya seperti sedia kala, sa-telah
menemui jalan buntu yang me-
lumpuhkan sidang itu dalam
tahun lepas, ia-itu merupakan
satu bukti yang menggalakkan,
bahawa anggota2 Bangsa2 Ber-
satu benar2 ingin hendak men-
chapai kemajuan yang terator dan
merekah mengakui bahawa jalan
yang terbaik sekali dan agak-nya
satu2 jalan untuk menchapai ke-
majuan ia-lah melalui kerja-sama
antara bangsa.

Pengakuan itu datang tepat
pada masa-nya kerana pada
ketika ini pertikaian2 baru dan
bayang2 pertikaian telah timbul
atau merebak membawa penderi-
taan sa-chara langsung kapada
beribu2 orang yang terlibat dan
merachun perhubungan antara
banyak negara.

Dengan mengetahui bahawa
lima negara sekarang mempunyai
senjata2 nuklear dan dengan me-

nyedari bahawa beberapa negara
lagi akan membuat-nya, men-
jadikan suatu perjanjian menge-
nai perluchutan senjata, atau se-
kurang2-nya menchegeh mere-
bak-nya senjata itu, lebih perlu
di-adakan dengan segera.

Dan mengenai ekonomi, ke-
adaan yang semakin merosot di-
kalangan negara2 miskin terhadap
negara2 yang lebih kaya telah
menimbulkan masa'alah yang
lebih dahshat dari dulu, menye-
babkan negara2 itu lebih musta-
hak menerima perhatian yang
berkesan dari badan antara
bangsa bagi perkembangan untuk
mengatasi masa'alah itu.

KEAMANAN

Ada-lah jelas bahawa ketika
Bangsa2 Bersatu usia-nya ka-21
tahun, sungguh pun besar bahaya
yang terdapat di-dunia ini tetapi
tidak-lah sebesar peluang yang
terbuka bagi kita. Peluang itu
mesti-lah di-rebut bersungguh2
oleh kerajaan2, pertubohan2 dan
orang2 pers-orangan, kerana
dalam menchari keamanan tiap
bentuk usaha yang tertentu ada-
lah di-kehendaki.

Sa-banyak 93,000 Sampul2
Surat Hari Pertama Sten2
Baru berharga 15 sen dan 4
sen sa-bagai memperingati
Tahun Kerjasama Antara
Bangsa telah di-jual di-Peja-
bat2 Pos di-seluruh Negeri
Brunei pada Hari Ithnin 25
Oktober, 1965. Gambar2 kama-
la-lah sten2 yang baru itu dan
bawah di-ambil di-Pejabat Pos
Besar Bandar Brunei pada
masa sten2 baru itu di-jual
pada hari tersebut. Sten2
baru itu akan di-jual selama
tiga bulan atau pun hingga
masa sten2 itu habis di-jual.



Tawaran Tawaran Jabatan Kerja Raya Brunei

1. Tawaran2 akan di-terima oleh Pengurus Lembaga Tawaran, di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei daripada Kontrektor2 kelas "B" ke-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 4-00 petang pada hari Ithnin, 1 November, 1965 bagi:—

MEMBINA SEKOLAH MELAYU DAN LAIN2 BANGUNAN DI-AMO, DAERAH TEMBURONG, BRUNEI.

2. Tawaran2 yang di-terima sesudah waktu ini di-tolak.

3. Pelan2 dan Butir2 kenyataan boleh di-lihat dan segala butir2 lain boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Uegara, Jabatan Kerja Raya, Brunei semasa masa kerja.

4. Tawaran2 mesti-lah di-masukkan ka-dalam sampol2 surat biasa yang bertutup. Maka di-muka sampol surat itu tidak-lah boleh di-buat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama penawar.

5. Sampol2 surat itu mesti-lah di-alamatkan kepada Pengurus, Lembaga Tawaran, di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei.

6. Kerja yang di-tawarkan mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-atas sampol surat dan perkataan-nya:—

MEMBINA SEKOLAH MELAYU DAN LAIN2 BANGUNAN DI-AMO, DAERAH TEMBURONG, BRUNEI.

7. Tawaran2 yang di-terima dalam sampol2 surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

8. Bayaran Chengkeram tawaran ia-lah \$250.00 (duaratus lima puluh ringgitsahaja). Chengkeram ini boleh di-kembalikan kepada penawar2 yang tidak berjaya selepas keputusan-nya di-ketahui. Wang chengkeram akan hilang jika penawar yang berjaya menulak tawaran tersebut.

9. Tawaran2 mesti-lah di-buat di-atas borang2 tawaran yang terchetak yang boleh di-perolehi dari Jabatan Juruterta Negara, Brunei, dengan memba-

yar chengkeram tawaran itu.

10. Tawaran yang di-buat di-atas borang2 yang tidak betul akan di-tolak.

11. Kontrektor yang berjaya hendak-lah membayar kepada Kerajaan pengakuan Bank sabanyak 5% dari harga tawaran-nya. Jika ini tidak boleh di-adakan wang tunai atau jaminan yang boleh di-perchayai yang tidak kurang daripada 5% harga kontrek itu mesti-lah di-bayar.

12. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah sekali atau sabarang tawaran.

1. Tawaran2 akan di-terima oleh Pengurus, Lembaga Tawaran di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan Brunei, sahingga jam 4.00 petang pada hari Ithnin, 1 November, 1965 bagi:—

MENGADAKAN SA-BUAH FORK LIFT TRUCK 4000 LBS, CAPACITY DENGAN HARGA C.I.F. BRUNEI.

2. Tawaran2 yang diterima sesudah waktu ini akan di-tolak.

3. Butir2 kenyataan boleh di-lihat dan segala butir2 lain boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara, Jabatan Kerja Raya, Brunei semasa masa kerja.

4. Tawaran2 mestilah di-masukkan ka-dalam sampol2 surat biasa yang bertutup. Maka di-muka sampol surat itu tidaklah boleh di-buat tanda yang boleh

mengenalkan siapa nama penawar.

5. Sampol2 surat itu mestilah di-alamatkan kepada Pengurus, Lembaga Tawaran di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei.

6. Kerja yang di-tawarkan mestilah sebutkan dengan terang di-atas sampol surat dan perkataan-nya:

MENGADAKAN SA-BUAH FORK LIFT TRUCK 4000 LBS, CAPACITY DENGAN HARGA C.I.F. BRUNEI.

7. Tawaran2 yang di-terima dalam sampol2 yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

8. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah sekali atau sabarang tawaran.

1. Tawaran2 akan di-terima oleh Pengerusi, Lembaga Tawaran di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan Brunei, sa-hingga jam 4-00 petang pada hari Ithnin, 1 November, 1965, bagi:—

MENGADAKAN 2 VIBRATORY ROLLER 4 HINGGA 5 TON DAN 3 BUAH 3 STEEL WHEELED ROAD ROLLER 8 HINGGA 12 TON DENGAN HARGA C.I.F. BRUNEI.

2. Tawaran2 yang di-terima sesudah waktu ini akan di-tolak.

3. Butir2 kenyataan boleh di-lihat dan segala butir2 lain boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara, Jabatan Kerja Raya, Brunei semasa masa kerja.

4. Tawaran2 mesti-lah di-masukkan ka-dalam sampol2 surat biasa yang bertutup. Maka di-muka sampol surat ini tidak-lah boleh di-buat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama penawar.

5. Sampol2 surat itu mesti-lah di-alamatkan kepada Pengurus, Lembaga Tawaran, di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei.

6. Kerja yang di-tawarkan mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-atas sampol surat dan perkataan-nya:

MENGADAKAN 2 VIBRATORY ROLLER 4 HINGGA 5 TON DAN 3 BUAH 3 STEEL WHEELED ROAD ROLLER 8 HINGGA 12 TON DENGAN HARGA C.I.F. BRUNEI.

7. Tawaran2 yang di-terima dalam sampol2 surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

8. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah sekali atau sabarang tawaran.

chetak yang boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara, Brunei dengan membayar chengkeram tawaran itu.

10. Tawaran2 yang di-buat di-atas borang2 yang tidak betul akan di-tolak.

11. Kontrektor yang berjaya hendak-lah membayar kepada Kerajaan pengakuan Bank sabanyak 5% dari harga tawaran-nya. Jika ini tidak boleh di-adakan, wang tunai atau jaminan yang boleh di-perchayai yang tidak kurang daripada 5% harga kontrek itu mesti-lah di-bayar.

12. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah sekali atau sabarang tawaran.

SHARAHAN UGAMA ISLAM

BANDAR BRUNEI — Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam Brunei akan melawat ka-tempat2 di-bawah ini pada hari Juma'at 29 Oktober, 1965 untuk memberikan sharahan berkenaan dengan Ugama Islam —

(a) Mulai jam 11 pagi ka-jam 12-30 tengah hari di-Masjid Pekan Seria.

(b) Mulai jam 11 pagi ka-jam 12-30 tengah hari di-Masjid Lamunin. Tutong.

Orang ramai lelaki dan perempuan, ada-lah di-jemput hadir di-majlis2 tersebut untuk mendengarkan sharahan berkenaan dengan Ugama Islam kita yang maha suci.

1. Tawaran2 akan di-terima oleh Pengerusi, Lembaga Tawaran, di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei daripada Kontrektor2 kelas "B" ke-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 4-00 petang hari Ithnin 1 November, 1965 bagi:—

MEMBINA SEKOLAH MELAYU DAN LAIN2 BANGUNAN DI-LAMUNIN, BRUNEI.

2. Tawaran2 yang di-terima sesudah waktu ini akan di-tolak.

3. Pelan2 dan Butir2 kenyataan boleh di-lihat dan segala butir2 lain boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara, Jabatan Kerja Raya, Brunei semasa masa kerja.

4. Tawaran2 mesti-lah di-masukkan ka-dalam sampol2 surat biasa yang bertutup. Maka di-muka sampol surat itu tidak-lah boleh di-buat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama penawar.

5. Sampol2 surat itu mesti-lah di-alamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei.

6. Kerja yang di-tawarkan

mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-atas sampol surat dan perkataan-nya:

MEMBINA SEKOLAH MELAYU DAN LAIN2 BANGUNAN DI-LAMUNIN, BRUNEI.

7. Tawaran2 yang di-terima dalam sampol2 surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

8. Bayaran chengkeram ia-lah \$250.00 (dua ratus lima puluh ringgit sahaja). Chengkeram ini boleh di-kembalikan kepada penawar2 yang tidak berjaya selepas keputusan-nya di-ketahui. Wang chengkeram akan hilang jika penawar yang berjaya menolak tawaran tersebut.

9. Tawaran2 mesti-lah di-buat di-atas borang2 tawaran yang ter-

Kerja Kosong: Tukang Masak

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau mereka yang berhak menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan untuk memenohi jawatan2 sebagai Tukang Masak dalam Jabatan Pulis Di-Raja Brunei. (6 jawatan kosong).

Gaji. — Dalam sukatan gaji F.5 - 6 \$180x4 - 200.

Chuti dan tambang ada-lah

mengikut Peratoran2 Kerajaan yang ada sekarang ini.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 10 November, 1965.

PERLAWANAN AKHIR SEPAK RAGA

BANDAR BRUNEI — Perlawanan Akhir Sepak Raga Jaring dan Sepak Raga Bulatan mengahuti sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah di-langsungkan di-Gelanggang Tennis, Bandar Brunei pada petang hari Ahad 24 Oktober, 1965.

Perlawanan Sepak Raga itu telah di-adakan di-bawah anjoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei dengan memperolehi sambutan yang baik dari kalangan Pasokan2 Sepak Raga di-Daerah Brunei.

Perlawanan tersebut sa-benarnya di-jadual hendak di-langsungkan pada masa sambutan Hari

JOHAN S.R.J. KALAH MATI — S.R.J.I.P. JOHAN SEPAK RAGA BULATAN — BOMBA

Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia dalam bulan September yang lalu. Akan tetapi oleh kerana beberapa sebab yang tidak dapat di-elakkan, maka perlawanan itu telah di-tanggohkan hingga ka-petang hari Ahad yang lalu.

Yang Dipertua Agong Persekutuan Guru2 Melayu Brunei Awang Shabbudin bin Md. Saleh telah merasmikan Perlawanan Akhir Sepak Raga itu.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara.

Keputusan perlawanan2 tersebut ada-lah seperti berikut:—

Sepak Raga Jaring Pukul Keliling, Pasokan "A" — Johan — Pasokan S.R.J.I.P.; Naib Johan — Pasokan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin. Ketiga — Pasokan KUBU. **Pasokan "B"**: Johan — Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei. Naib Johan — Pasokan Bomba. Ketiga — Pasokan S.R.J.I.P.

Sepak Raga Bulatan: Johan — Pasokan Bomba. Naib Johan — Pasokan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin. Ketiga — Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei.

Sepak Raga Jaring Kalah Mati: Johan — Pasokan S.R.J.I.P. "B". Naib Johan — Pasokan S.R.J.I.P. "A". Ketiga — Pasokan KUBU. Ke-empat — Pasokan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

HADIAH2 REBUTAN

Hadiah2 Rebutan yang telah di-berikan sa-lepas tamat Perlawanan Sepak Raga di-Bandar Brunei pada petang hari Ahad yang lalu ada-lah seperti berikut:

Pasokan "A": Perisai dari Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanah Bolkiah di-menangi oleh Pasokan Sepak Raga Jaring Ikatan Pemuda (S.R.J.I.P.) Oskar Persekutuan Guru2 Melayu Brunei di-menangi oleh Pasokan S.R.J.I.P.

Pasokan "B": Perisai dari Yang Teramat Mulia Seri Pengiran Muda Muhammad Bolkiah di-menangi oleh Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei.

Sepak Raga Bulatan: Perisai Dari Iktesad Guru2 Melayu Brunei di-menangi oleh Pasokan Bomba.

Sepak Raga Jaring Kalah Mati: Perisai dari Penolong Menteri Kebajikan Masyarakat dan Pos, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Limbang di-menangi oleh Pasokan S.R.J.I.P. "B".

Keputusan Mata Yang Tertinggi "A" dan "B": Piala Penolong Menteri Perubatan dan Kesehatan, Yang Berhormat Pehin Bendahari China Awang Hong Kok Tin di-menangi oleh Pasokan S.R.J.I.P.

BULU TANGKIS: KELAB BELIA SENGKURONG

MENGALAHKAN K.M.S.

SERIA. — Kelab Belia Sengkung telah mengalahkan Kelab Melayu Shell dalam satu pertandingan Bulu Tangkis sa-chara persahabatan di-kawasan Kelab Melayu Shell baru2 ini.

Dalam pertandingan tersebut Kelab Belia Sengkung telah menang empat perlawanan, manakala Kelab Melayu Shell telah menang satu perlawanan sahaja.

RATU

JAYCEE 1965

SERIA. — Nona Jessie Tuico dari Kuala Belait telah berjaya menyanggah gelaran sa-bagai Ratu Jaycee Tahun 1965 dalam satu temasha yang telah di-adakan di-Dewan Shell Recreation Club, Seria baru2 ini di-bawah anjoran Pertubuhan Jaycee Chawangan Belait.

Chegu Dayang Siti binte Mohd. Yusof Khan dari Bandar Brunei telah menjadi Naib Johan dalam pertandingan itu, manakala pemenang ketiga ia-lah Nona Janet Ho dari Kuala Belait.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara kelihatan dalam gambar ini menyampaikan hadiah kepada sa-orang wakil Pasokan Sepak Raga Jaring Ikatan Pemuda (S.R.J.I.P.) sa-lepas tamat

Perlawanan Akhir Sepak Raga Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, anjoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei pada hari Ahad, 24 Oktober, 1965.

JAWATAN KOSONG:

PENYELIA KASTAM

Permohonon2 ada-lah di-jemput bagi memenohi jawatan2 kosong sebagai Penyelia Kastam Tingkat II di-Jabatan Kastam dan Bea, Brunei.

Kelayakan2—

Pemohon2 mesti-lah pegawai2 Kastam yang mempunyai jasa terkemuka yang telah melangkah sekatan kecekapan (efficiency bar) pegawai kastam; atau pegawai2 yang telah berkhidmat di-Jabatan Kastam, atau pun, dengan Kerajaan Brunei selama yang tidak kurang dari lima tahun dan mempunyai Sijil Persekolahan (Senior Cambridge School Certificate) atau yang sebanding dengan-nya.

Pengalaman dalam bahasa Melayu juga di-kehendaki.

Pemohon2 mesti-lah ra'ayat Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D(a) 2 - 3 - 4 - 5 - 6 — \$400x20 - 600.

Sharaf2 Lantikan:

Chalon2 yang berjaya akan di-lantik dalam perhubungan selama

tiga tahun. Sebelum menggenapkan masa perhubungan itu pegawai2 perhubungan di-kehendaki lulus dalam Peperiksaan Penyelia.

Pegawai2 perhubungan yang telah:—

- (i) lulus Peperiksaan Penyelia Kastam;
- (ii) menggenapkan tiga tahun perkhidmatan dalam perhubungan; dan
- (iii) di-so'ong oleh Ketua Pejabat, layak di-tetapkan dalam jawatan.

Permohonan2 mesti-lah di-hantarkan melalui Ketua Pejabat dan mereka ini di-kehendaki menghantarkan Laporan Sulit tentang tugas2 si-pemohon dan tentang kelayakan2 mereka untuk lantikan itu dan beserta dengan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Borang2 Permohonan2 hendaklah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan tidak lewat daripada 30 Oktober, 1965, dan permohonan2 yang tiba lewat daripada tarikh tersebut tidak akan di-pertimbangkan.

JAWATAN KOSONG:

Penolong Pengarang Di-Pejabat Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei

Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi jawatan Penolong Pengarang di-Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei. (satu jawatan kosong).

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- (a) Pemohon2 hendak-lah orang Melayu yang mempunyai kelulusan bahasa Melayu yang baik.
- (b) Mempunyai kebolehan dan pengetahuan yang baik dalam hal karang mengarang.
- (c) Ada pengalaman sebagai sa-orang pengarang atau pembantu pengarang dari majallah2 dan akhbar2 sakurang2-nya dua tahun.

Gaji: — Dalam sukatan gaji \$350 - 370 380x20-600 sa-bulan.

Sharaf2 Lantikan: — Chalon yang bukan ra'ayat Sultan akan di-lantik sechara berkontrek selama 3 tahun termasuk 6 bulan yang pertama sebagai dalam perhubungan. Pembaharuan kontrak ada-lah di-atas perse-

tujuan bersama.

Baksis: — Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan: — Pada masa ini tidak ada di-kenakan Chukai Pendapatan dalam Negeri Brunei.

Butir2 lanjut mengenai chuti, tambang, rumah, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendaklah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 November, 1965.

P.P.D. BRUNEI DAN MUARA MERASMIKAN PEMBUKAAN MAJLIS MASHUARAT MUKIM KILANAS

KILANAS. — Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Johari bin Abdul Razak telah merasmikan pembukaan Majlis Mashuarat Mukim Kilanas di-Dewan Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas pada pagi hari Juma'at 22 Oktober, 1965.

Cherita2 Dongeng Dan Kesan2-nya

(Dari muka 4)

Sa-tengah fikiran baru berpendapat bahawa kedua2 batu itu tidak lebih dari batu biasa yang pada awalnya bukit yang tumbuh di-tengah2 ayer, kemudian beransor2 runtohi hingga tinggal batu sahaja seperti apa yang kita dapati sekarang.

Sa-benar-nya, menurut cherita dongeng "Batu Pilong2an" dan "Lumut Lunting" itu berasal dari dua ekor ayam.

Menurut cherita-nya, kedua2 ayam itu yang bernama "Asmara" yang di-bawa dari Majapahit dan "Mutia" kepunyaan Raja Brunei telah bersabong. Dalam persabongan itu, Asmara telah kalah dan melarikan diri dan oleh sebab memalukan tuannya dia telah menjadikan diri-nya "batu". Begitu juga hal-nya dengan Mutia, oleh sebab kemarahan Ratu Majapahit itu di-sumpah-nya Mutia lalu menjadi batu juga.

Sa-bagai tanda kekalahan-nya, maka Ratu Majapahit telah menghadihkan 2 ekor kucing emas (Kam Hap) dan satu tangan emas (tungkai aji) kepada raja Brunei. Kedua2 perkakas itu maseh ada lagi hingga sekarang sa-bagai alat kebesaran Sultan Brunei.

Sa-bagai kesan sekarang, itu-lah "Lumut Lunting", "Batu Pilong2an", "Kucing Emas", dan "Tungkai Aji", daripada cherita dongeng untuk membuktikan sa-bagai sejarah.

Seperti yang telah saya katakan pada awal2 lagi bahawa sa-bagai satu bangsa tetap berbangga kerana memilik satu cherita yang sa-demikian indah dan mempunyai bukti2 yang nyata.

Walaupun barangkali kedua2 batu itu telah tidak dapat di-fikirkan manusia daripada asal kejadian-nya, tetapi kita tetap percaya akan kebenaran-nya.

Dan walaupun perkembangan ke-susteraan kita telah banyak di-pengaruh oleh sastera Hindu yang memperchayai serba alam ghaib dan jadi2an, tapi cherita "Lumut Lunting" dan "Batu Pilong2an" itu tetap melambangkan suatu keagungan kesan sejarah di-bidang ke-susteraan timor kita.

Di-antara ramai para hadirin di-majlis itu ia-lah Penolong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh; Penolong Menteri Pos dan Kebajikan Masyarakat, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Limbang; Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri Brunei dan beberapa orang para jemputan.

Awang Johari bin Abdul Razak telah melafadzkan satu ucapan yang berharga sa-belum beliau membuka dengan rasminya Majlis Mashuarat Mukim Kilanas.

Turut memberikan ucapan di-majlis itu ia-lah Pengerusi Majlis Mashuarat Mukim Kilanas, Yang Berhormat Awang Haji Halus bin Abdul Samat dan Setia Usaha Majlis Mashuarat Mukim Kilanas, Chegu Md. Hassan bin Sunggoh.

Majlis itu di-akhiri dengan Bacha'an Do'a Selamat oleh Yang Mulia Mudim Haji Md. Said.

20 Orang Jepun Tiba Di-Brunei

BANDAR BRUNEI. — Seramai 20 orang Jepun telah tiba di-Brunei baru2 ini dari Negeri Jepun dengan kapal laut untuk bekerja di-Sharifkat Limbongan Kapal Takehara di-Muara.

Seramai 40 orang lagi pekerja2 Limbongan kapal tersebut akan tiba di-sini dari Negeri Jepun sedikit hari lagi.

Satu pemandangan sewaktu di-adakan pengiraan undi Pilehan Raya Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara bagi Kawasan Pekan Brunei di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada malam 23 Oktober yang lalu.



Awang Judin bin Asar

LANTEKAN BARU

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah melantek Awang Judin bin Asar menjadi Timbalan Juru Tulis kepada Majlis Mashuarat Diraja bagi Negeri Brunei.

Baginda telah melantek Awang Judin bin Asar menjadi Timbalan Juru Tulis kepada Majlis Mashuarat Menteri2, bagi Negeri Brunei.

Selain dari itu, Awang Judin bin Asar telah juga di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan menjadi Timbalan Juru Tulis kepada Majlis Mashuarat Negeri Brunei.

Lantekan2 tersebut di-buat pada 14 September, 1965.

Keputusan Pilehan Raya

(Dari muka 1)


ka-pukul 6 petang hari tersebut. Di-antara orang2 yang telah membuang undi dalam masa sa-jam sa-lepas tempat membuang undi itu di-buka ia-lah Pemangku Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan isteri beliau Datin Hajjah Salmah, serta Datin Zubaidah, ia-itu isteri Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Dato Seri Paduka Marsal bin Maun (pada masa ini berada di-luar negeri) dan lain2-nya.

Undi2 itu telah di-kira di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei mulai pada pukul 7 malam hari itu juga.

Pilehan Raya Kechil bagi Kawasan Pekan Brunei itu telah di-adakan ia-lah kerana menenahi tempat yang telah di-kosongkan dalam Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Limbang, Penolong Menteri Pos dan Kebajikan Masyarakat yang juga menjadi Ahli Majlis Mashuarat Negeri Brunei.

PERSIDANGAN M.M.D.BRUNEI DAN MUARA

BANDAR BRUNEI. — Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara akan di-adakan di-Dewan Kemasyarakatan Bandar Brunei pada pagi hari Sabtu 30 Oktober, 1965.



Gambar ini di-ambil di-bangunan lama Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemalul Alam, ia-itu tempat membuang undi Pilehan Raya

Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara bagi Kawasan Pekan Brunei pada hari Sabtu 23 Oktober, 1965.

Pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1966

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan Bintang Radio Brunei Ke-johan Tahun 1966 akan di-langsungkan pada bulan Januari akan datang.

Sementara itu akan di-adakan pertandingan2 untuk memilih wakil2 dari semua daerah yang akan mewakili daerah masing2 dalam Pertandingan Bintang Radio Ke-johan Sa-Negeri Brunei.

Berita lanjut akan di-siarkan dalam akhbar ini pada hari Rabu 3 November, 1965.

